

BULETIN KNSTP

KOOP NSTP PRIHATIN - PENYAKIT KRONIK



Menyerahkan sumbangan untuk penyakit kronik kepada Sdr Zolkefli Hamzah (dua dari kanan) pada Jun 2023

7 September 2023 - Koop NSTP memberi manfaat RM200 kepada anggota yang mengidap salah satu 36 penyakit kritikal seperti strok, jantung dan kanser. Tabung kebajikan ini adalah sebahagian sumbangan kebajikan anggota seperti cenderahati tahunan, anugerah kecemerlangan pendidikan dan derma.

Mesyuarat Agung Perwakilan ke-51 pada 27 April 2019 telah setuju menambah baik manfaat kebajikan am iaitu pemberian manfaat tahun satu, penyakit kronik dan bencana alam kepada anggota yang layak.

Sehingga September 2023, Koop NSTP telah memberi sumbangan kepada 18 anggota dengan pelbagai masalah kesihatan yang dihadapi. Manfaat ini hanya dibenarkan dituntut sekali sahaja sepanjang menjadi anggota. Diharap manfaat ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan anggota koperasi.

Penyakit Kronik Yang Dilindungi

Strok / jantung / kegagalan buah pinggang / kanser / pembedahan pintasan arteri / arteri koronari serius / angioplasti / kegagalan hati tahap akhir / hepatitis viral fulminan / koma / tumor otak / lumpuh anggota badan / buta / pekak / melecur tahap ketiga / HIV / penyakit paru-paru / ensefalitis / transplan organ utama / hilang upaya bertutur / pembedahan otak / pembedahan injap jantung / hilang upaya hidup / meningitis bakteria / trauma / anemia / neuron / parkinson / alzheimer / disrofi otot / pembedahan aorta / sklerosis multipel / hipertensi arteri / sistik medular / kardiomiopati / lupus eritematosus sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk.

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA #KOOPNSTPPRIHATIN



KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AR-RAHNU X'CHANGE DATARAN MENTARI
AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR SERI PUTRA



KNSTP MART
@KOOPNSTP
@KNSTP_MART